

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	14 APRIL 2017

Kerajaan pastikan kebajikan anggota tentera diberi keutamaan - PM

# Tidak pernah leka

Oleh **SYUKRI SHAARI**  
pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 13 APRIL**

**D**ATUK Seri Najib Tun Razak menegaskan, meskipun berdepan dengan pelbagai tohmahan dan kecaman namun kepemimpinannya tidak pernah berpaling daripada menunaikan tanggungjawab sebagai kerajaan.

Menurut Perdana Menteri, ini termasuk soal pertahanan yang mana kerajaan bukan sahaja bertanggungjawab menjaga aset ketenteraan malah turut memastikan kebajikan anggota tentera serta keluarga mereka.

“Alhamdulillah, meskipun berdepan dengan pelbagai tohmahan dan kecaman, kita tidak pernah leka mahupun berpaling daripada menunaikan tanggungjawab sebagai kerajaan, bukan sahaja

menjaga aset ketenteraan, tetapi juga kebajikan anggota tentera serta keluarga mereka,” katanya dalam catatan di blog *najibrazak.com* di sini hari ini.

Catatan itu berkaitan lawatannya ke Pangkalan Udara Sendayan, Negeri Sembilan yang sebelum ini dijadikan modal politik oleh pembangkang untuk menyerang kerajaan serta kepimpinan beliau.

Perdana Menteri meluangkan masa kira-kira sejam setengah bersama Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin dan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Mohamad Hasan meninjau pembangunan pangkalan udara yang sudah hampir 80 peratus siap itu pagi ini.

Menurut Najib dalam blog beliau itu, Pangkalan Udara Sen-

dayan merupakan satu daripada lapan pangkalan udara yang dibangunkan oleh 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bagi penempatan semula aset daripada Pangkalan Udara Kuala Lumpur di Sungai Besi sebelum ini.

“Lokasi-lokasi lain adalah di Pangkalan Udara Kuantan, Pangkalan Udara Gong Kedak, Pangkalan Udara Butterworth, Kem Kajang bagi aset 31 Rejimen Artileri Diraja Tentera Darat dan PDRM Subang dan Ipoh bagi aset Unit Udara PDRM,” jelasnya.

Berkongsi pengalaman dalam tinjauannya pagi ini, kata Najib, Pangkalan Udara Sendayan ini cukup luas, dengan keluasan 303 hektar dilengkapi Markas Pemerintahan Pendidikan Latihan Udara dan juga bakal menjadi pusat latihan tentera udara terbesar TUDM.

Katanya, projek pembinaan yang melibatkan 61 peratus kon-

**NAJIB TUN RAZAK** bersama **Hishammuddin Tun Hussein, Mohamad Hasan, Khairy Jamaluddin dan Abdul Rahman Dahlan** tertarik melihat model Pangkalan Udara Sendayan di Seremban, Negeri Sembilan, semalam. - **UTUSAN/ ABD. RAZAK AID**

traktor bumiputera itu dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun ini.

Dalam pada itu, Perdana Menteri memberitahu, pangkalan udara berkenaan dilengkapi dengan unit-unit kediaman yang boleh menempatkan keseluruhan 1,900 orang membabitkan anggota TUDM serta ahli keluarga masing-masing.

“Saya sempat melawat sebuah rumah contoh apartmen kelas F yang disediakan bagi pegawai muda, selesa dan luas bagi mereka yang bujang atau baru memulakan keluarga,” jelas beliau.